



PEJABAT MENTERI  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

**SIARAN MEDIA MINGGUAN**  
**YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN**  
**MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN**  
**26 JUN 2018**

Terdapat tiga (3) fokus KPKT yang akan diketengahkan dalam sidang media kali ini iaitu;

- (1) **Highland Towers: Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Semula**
- (2) **Penilaian & Pemantauan Projek Terbengkalai (3) Hasil Lawatan Ke Negeri Sarawak**

**1. Highland Towers: Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Semula**

- a. Seperti yang telah dibincangkan beberapa minggu lepas KPKT akan merencanakan semula pembangunan semula tanah di lokasi Highland Towers.
- b. Satu Jawatankuasa akan ditubuhkan yang terdiri daripada beberapa agensi peringkat Persekutuan, Negeri & Pihak Berkuasa Tempatan yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan.
- c. Pihak Kementerian juga telah mendapat laporan daripada **PLANMalaysia** yang telah mendapati bahawa Highland Towers terletak di dalam **kawasan berisiko tinggi** bagi bencana tanah runtuh dan pembangunan semula adalah sesuai untuk **pembangunan pelancongan berimpak rendah dan rekreasi sahaja**.



PEJABAT MENTERI

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- d. **Terma rujukan** bagi jawatankuasa ini adalah untuk mengenalpasti isu dan faktor yang berbangkit mengenai pembangunan Highland Towers.
- e. Menentukan hala tuju dan strategi pembangunan semula kawasan dan mempertimbangkan cadangan projek pembangunan semula.
- f. Menubuhkan jawatankuasa kerja dan memantau pelaksanaan projek. **Laporan kemajuan yang dibuat akan terus diserahkan kepada saya sebagai Menteri KPKT.**
- g. **Sembilan (9)** Ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada wakil-wakil dari:
1. **Kementerian Kewangan,**
  2. **SUK Selangor,**
  3. **Kementerian Hal Ehwal Ekonomi,**
  4. **Kementerian Kerja Raya,**
  5. **Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli,**
  6. **Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan.**
  7. **Jabatan Mineral & Geosains Malaysia**
  8. **Jabatan Pengairan dan Saliran**
  9. **YDP Majlis Perbandaran Ampang Jaya.**

**2. Penilaian & Pemantauan Projek Terbengkalai.**

- a. KPKT akan menilai dan memantau semua projek terbengkalai yang sedia ada.
- b. Mengikut **Seksyen 18A** Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) Pindaan 2012 yang mana pemaju telah melakukan **kesalahan jenayah** sekiranya projek perumahan yang mereka laksanakan terbengkalai, dalam tempoh enam **(6) bulan** atau melampaui terma yang telah dipersetujui didalam perjanjian jual beli.



PEJABAT MENTERI

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- c. KPKT mempunyai mekanisma untuk melindungi hak pembeli melalui khidmat yang disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara (Melalui Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai).
- d. Sehingga 30 April 2018, terdapat 13 projek perumahan terbengkalai **sedang dalam proses pemulihan** (sudah mempunyai pemaju penyelamat) dan 46 projek di **dalam perancangan pemulihan** (masih belum mempunyai pemaju penyelamat)
- e. Projek-projek ini melibatkan **2,873 unit** rumah bagi projek dalam proses pemulihan dan **5,303 unit** rumah bagi projek dalam perancangan pemulihan yang mana ini hanya bagi unit-unit rumah yang telah dijual.
- f. Pihak KPKT akan mengkaji cara terbaik untuk menyelesaikan projek-projek terbengkalai ini dengan melihat mekanisma yang sedia ada dan juga merencana mekanisma yang baru agar nasib para pembeli rumah dapat dibela.
- g. Ini termasuk mempercepatkan pencarian pemaju penyelamat yang berwibawa dan juga mengkaji semula polisi atau perundangan yang bersesuaian untuk mempertingkatkan lagi saluran penyelesaian sedia ada.

### 3. Hasil Lawatan Ke Negeri Sarawak

- a. Pada 21 Jun 2018 yang lepas saya telah membuat lawatan kerja ke Negeri Sarawak. Ini merupakan lawatan pertama Menteri dari Kerajaan Persekutuan di bawah Pentadbiran Pakatan Harapan ke negeri tersebut.
- b. Kedatangan saya telah disambut baik oleh para pemimpin dan juga rakyat Sarawak. Kesempatan untuk berada di sana telah saya gunakan sebaik mungkin untuk membincangkan kerjasama bukan sahaja dari sudut pembangunan sektor perumahan sahaja, tetapi juga hal-hal seperti pemberdayaan wanita, pembangunan komuniti dan kerjasama masa hadapan kedua-dua pihak.



PEJABAT MENTERI

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- c. Selain itu, saya turut membincangkan satu isu khas yang dekat di hati saya, iaitu isu **eksploitasi wanita kaum Penan di Sarawak**. Perkara ini telah saya bangkitkan pada tahun 2008 yang mana pada ketika itu wanita Keadilan dan NGO-NGO wanita telah bangkit mempersoalkan kepada pihak Kerajaan mengapa nasib wanita Penan yang telah dieksploitasi secara seksual ini dibiarkan begitu sahaja. Tragedi ini perlu diteliti semula, agar ia menjadi peringatan kepada kita semua supaya tidak akan berlaku lagi di masa akan datang.

**YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN**

**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,**

**PUTRAJAYA.**